

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN OLAHRAGA SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE-8, 2019

1 PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, peraturan ini akan dijalankan mengikut undang-undang **KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM)**.
- 1.2. Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA.
 - 1.3.2. Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang **Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM)**.
- 1.4. Sebarang keputusan yang dibuat Jawatan kuasa Pertandingan adalah muktamad.

2 PENYERTAAN

- 2.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.
- 2.2 Setiap kontinjen olahraga akan diwakili tidak lebih daripada 40 orang peserta (Lelaki dan Wanita) dengan bilangan pegawai seperti berikut:
 - 2.2.1 0 orang peserta hingga 10 orang peserta - 04 orang pegawai
 - 2.2.2 11 orang peserta hingga 20 orang peserta - 05 orang pegawai
 - 2.2.3 21 orang peserta hingga 28 orang peserta - 08 orang pegawai
 - 2.2.4 29 orang peserta hingga 40 orang peserta - 10 orang pegawai
- 2.3 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan berikut:
 - 2.3.1 Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
 - 2.3.2 Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM)
 - 2.3.3 Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM)
 - 2.3.4 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
 - 2.3.5 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM)
 - 2.3.6 Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM)
 - 2.3.7 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
 - 2.3.8 Majlis Sukan Kolej Vokasional Malaysia (MASKoV)

- 2.4 Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Agung Majlis Sukan Pasukan / Ketua Kontinjen masing-masing.
- 2.5 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara Lari Berganti-Ganti dikehendaki di daftar juga dalam borang penyertaan.
- 2.6 Peserta-peserta dikehendaki membawa Kad Pengenalan asal dan kad matrik atau yang setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi penyertaan jika diminta.

3 KELAYAKAN

- 3.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.

4 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 4.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 4.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 yang asal untuk disahkan dan No. Kad Matrik (untuk yang berkenaan).
- 4.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.
- 4.4 Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang permohonan pertukaran / gantian peserta tidak dibenarkan.
- 4.5 Hanya proses ‘Gugur’ dibenarkan semasa talimat Pengurus Pasukan.

5 JADUAL PERTANDINGAN

- 5.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

5.2 Acara-acara & Ukuran

KOD ACARA	ACARA	WANITA	LELAKI
01	100 M	X	X
02	200 M	X	X
03	400 M	X	X
04	800 M	X	X
05	1500 M	X	X
06	3000 M	X	-
07	5000 M	-	X
08	100 M LARI BERPAGAR	X	-
09	110 M LARI BERPAGAR	-	X
10	400 M LARI BERPAGAR	X	X
11	3000 M LARI BERHALANG	X	X
12	3000 M JALAN KAKI	X	-
13	5000 M JALAN KAKI	-	X
14	LOMPAT TINGGI	X	X
15	LOMPAT JAUH	X	X
16	LOMPAT KIJANG	X	x
17	LOMPAT BERGALAH	X	X
18	MELONTAR PELURU	X	X
19	MELEMPAR CAKERA	X	X
20	MEREJAM LEMBING	X	X
21	4 X 100 M	X	X
22	4 X 400 M	X	X
JUMLAH		19	19

- 5.3 Ukuran peralatan akan menggunakan mana-mana pertandingan peringkat senior melainkan ada ketetapan lain yang dibuat,
- 5.4 Acara Pertandingan.
- 5.4.1 Setiap pasukan adalah dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara Lari Berganti-Ganti
 - 5.4.2 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

BAHAGIAN	INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
PEREMPUAN	3	2
LELAKI	3	2

- 5.4.3 Sesuatu acara hanya dapat dipertandingkan sekiranya terdapat minimum 3 peserta/ pasukan mengambil bahagian.

6 SISTEM PERTANDINGAN

6.1 PENARIKAN DIRI SEMASA KEJOHANAN DIJALANKAN

- 6.1.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, KECUALI jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 6.1.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- 6.1.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

6.2 PENGGANTIAN DALAM ACARA LARI BERGANTI-GANTI

- 6.2.1 Penggantian bagi acara Lari Berganti-Ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam Borang Penyertaan Rasmi. Peraturan ini meliputi penyertaan di pusingan Separuh Akhir dan Akhir.

6.3 MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 6.3.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara

padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.

- 6.3.2 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 6.3.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.
- 6.3.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan (depan dan belakang) dengan pin pada setiap penjuru di baju pelari masing-masing kecuali acara lompat tinggi dan lompat bergalah hanya di depan sahaja.
- 6.3.5 Apabila melaporkan diri untuk tiap-tiap acara, seseorang peserta mesti menunjukkan "Tag Pengenalan Rasmi" kepada Penyelia Peserta berkenaan. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, peserta berkenaan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai acara itu.
- 6.3.6 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara meraka dimulakan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.
- 6.3.7 Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan serta-merta.

6.4 PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 6.4.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diringi oleh Penyelia Peserta.
- 6.4.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

6.5 MEMANASKAN BADAN

- 6.5.1 Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan.

6.6 BLOK PERMULAAN

- 6.6.1 Bagi semua acara yang tersebut dibawah blok permulaan

MESTI DIGUNAKAN.

100m, 200m, 400m, 100m LP, 110mLP, 400mLP, 4x100m dan 4x400m.

6.7 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 6.7.1 **Paku Kasut** : Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksima paku kasut (spikes) tidak boleh melebihi 09mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut, paku kasut tidak boleh melebihi 12mm.
- 6.7.2 **Peralatan** : Pihak Pengelola akan menyediakan semua peralatan termasuk Blok Permulaan, kecuali galah berlombol untuk acara Lompat Bergalah di mana peserta dibenarkan menggunakan galah sendiri dengan syarat ia diserahkan kepada Pengurus Teknik terlebih dahulu untuk disahkan. Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan galah orang lain kecuali dengan mendapat kebenaran dari pada tuan empunya.
- 6.7.3 **Pakaian** : Semua ahli pasukan bagi acara lari berganti-ganti wajib memakai pakaian yang sama warna bagi pasukan masing-masing.

6.8 CARA MENANDA DI TEMPAT-TEMPAT PERTANDINGAN

- 6.8.1 Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat-tempat pertandingan. Mereka hendaklah menggunakan pita yang disediakan oleh Pihak Pengelola.

6.9 UKURAN TINGGI PERMULAAN

- 6.9.1 Bagi acara-acara tersebut di bawah. Ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut :

6.9.1.1 Acara Lompat Bergalah

6.9.1.1.1 Lelaki

Percubaan : 3.00m, 3.50 m
Pertandingan : 3.30m, 3.45m, 3.60 m,
3.70m, 3.80m, 3.90m, 4.00m, 4.05m, 4.10m,
4.15m, 4.20m dll

6.9.1.1.2 Wanita

Percubaan : 1.65m
Pertandingan : 1.75meter, 1.80m, 1.85m,
1.90m dan seterusnya.

6.9.1.2 Acara Lompat Tinggi

6.9.1.2.1 Lelaki

Percubaan : 1.65 m, 1.75 m

Permulaan :1.70m, 1.75m, 1.80m, 1.90m, 1.95m, 1.98m, 2.01m, 2.04m, 2.07m, 2.10m dan seterusnya.

6.9.1.2.2 Wanita

Percubaan : 1.40m, 1.50m

Permulan :1.45m, 1.50m, 1.55m, 1.60m, 1.66m, 1.69m, 1.72m, 1.75mm, 1.78m, 1.81m, dan seterusnya.

6.10 PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

6.10.1 Jarak Papan Lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut :

LELAKI	WANITA
11 / 13 m	9 / 11 m

6.11 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN

6.11.1 Johan Keseluruhan

6.11.1.1 Johan Keseluruhan bagi kejohanan ini ialah Kontinen Olahraga Majlis Sukan yang memenangi pingat emas terbanyak.

6.11.1.2 Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan diambil kira;

6.11.1.3 Jika masih seri, kiraan pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.

6.12 SEPARUH AKHIR

6.12.1 Empat (4) Separuh Akhir.

6.12.1.1 Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

6.12.2 Tiga (3) Separuh Akhir

6.12.2.1 Dua (2) peserta pemenang dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

6.12.3 Dua (2) Separuh Akhir

- 6.12.3.1 Tiga (3) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir
- 6.12.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan pada para 6.12.1, 6.12.2, dan 6.12.3 maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.
- 6.12.5 Semua pengundian lorong untuk acara akhir, semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Perangkaan dan Pertandingan dengan pengawasan/ penyeliaan ahli-ahli Juri Rayuan dengan mengambil kira perkara berikut:
- 6.12.5.1 Undian pertama adalah untuk empat peserta atau pasukan yang telah mencatat masa terpanas bagi memutuskan tempat mereka dilorong 3, 4, 5 dan 6.
- 6.12.5.2 Undian kedua adalah untuk empat peserta atau pasukan lain yang telah melayakkan diri bagi memutuskan tempat di lorong 1, 2, 7 dan 8.

6.13 **HURUF-HURUF DAN NOMBOR PENGENALAN PASUKAN**

6.13.1 Huruf dan Nombor Peserta

BIL	MSS NEGERI	HURUF	NO.LELAKI	NO WANITA
1	MSSM	S	S 001 – S 050	S 051- S100
2	MASUM	U	U101 – U150	U151- U200
3	MSIPGM	G	G201 – G250	G251- G300
4	MSPM	P	P301 – P350	P351- P400
5	MSMM	M	M401 – M450	M451- M500
6	MASKOM	K	K501 – K550	K551- K600
7	MASISWA	T	T601 – T650	T651- T700
8	MASKoV	V	V701 – V750	V751 – V800

6.14 **BANTAHAN**

- 6.14.1 Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 146 KOM, kecuali perkara-perkara berikut :

- 6.14.1.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk SIPMA kelak.
- 6.14.1.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi setiap acara.
- 6.14.1.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang Pertaruhan sebanyak **RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja)**

6.15 **HADIAH-HADIAH**

- 6.15.1 Acara Individu sehingga 2000m – Pertama, Kedua dan Ketiga.
- 6.15.2 Acara Individu 3000m dan jarak lebih daripadanya - Pertama, kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam.
- 6.15.3 Acara Pasukan – Enam pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

7 **JURI RAYUAN TERTINGGI**

Rujuk Perkara 15 Peraturan Am SIPMA.

8 **RAYUAN / BANTAHAN**

Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SIPMA.

9 **JAWATANKUASA DISIPLIN**

Rujuk Perkara 17 Peraturan Am SIPMA.

10 **HADIAH-HADIAH**

Rujuk Perkara 18 Peraturan Am SIPMA.

11 **KEWANGAN**

Rujuk Perkara 19 Peraturan Am SIPMA.

12 PERKARA AM

Rujuk Perkara 20 Peraturan Am SIPMA.

13 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 13.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan dan keputusan adalah muktamad.
- 13.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 13.3 Rujuk Perkara 14 Peraturan Am SIPMA
- 13.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.

15 Apr. 2019.